



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/3/2013

Rakyat diingat jangan buat keputusan terburu-buru

# Tukar kerajaan tidak jamin lebih baik

UM-12/3/2013

Oleh OPAT RATTANACHOT  
uspetani@utusan.com.my

**KULIM** 11 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat tidak membuat keputusan terburu-buru untuk menukar kerajaan sedia ada melalui pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, ini kerana pertukaran sesebuah kerajaan tidak menjamin prestasi yang lebih baik, terutama jika pihak terbabit tidak mempunyai sebarang pengalaman.

"Pertukaran kerajaan tidak menjamin kebaikan. Banyak negara yang tukar kerajaan tetapi prestasinya tidak baik.

"Saya mengambil satu contoh sebuah negara di Afrika yang hampir

Saya mengambil satu contoh sebuah negara di Afrika yang hampir sama-sama merdeka dengan kita iaitu Uganda. Pemimpinnya dahulu mempunyai pengalaman dan menguruskan negara dengan baik tetapi dituduh tidak adil dan zalim. Akibatnya, rakyat bangkit menentang dan menukar kerajaan baru. Selepas pertukaran berlaku, keadaan menjadi lebih parah malah tidak dapat membangun sehingga sekarang

DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Bekas Perdana Menteri

sama-sama merdeka dengan kita iaitu Uganda. Pemimpinnya dahulu mempunyai pengalaman dan menguruskan negara dengan baik tetapi dituduh tidak adil dan zalim.

"Akibatnya, rakyat bangkit menentang dan menukar kerajaan ba-

ru. Selepas pertukaran berlaku, keadaan menjadi lebih parah malah tidak dapat membangun sehingga sekarang," katanya ketika berucap di hadapan lebih 5,000 penduduk pada Majlis Bersama Negarawan anjuran Barisan Nasional (BN) Kulim

Bandar Baharu di sini hari ini.

Yang hadir sama ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Pengerusi BN Kedah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah dan timbalannya, Datuk

Mukhriz Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, di Malaysia, kerajaan BN berjaya menunjukkan prestasi yang baik malah mempunyai pengalaman berterusan menguruskan negara sejak lebih 50 tahun lalu.

Sehubungan itu katanya, rakyat perlu mengambil kira faktor berkenaan dalam membuat keputusan memilih kerajaan yang benar-benar diyakini untuk masa depan negara.

"Kalau tukar semata-mata ingin cuba sesuatu yang baru, kita kena lebih berhati-hati. Janganlah buat keputusan ikut nafsu atau hanya benci. Kerana benci kita mahu tukar, ini tak betul," katanya.

Tambahnya, rakyat di beberapa negeri termasuk Kedah sudah merasai pengalaman buruk akibat me-

nukar kerajaan.

"Di Kedah rakyat sudah merasai. Lepas lima tahun, apa yang mereka dapat. Ratanya-ratanya berkata tak ada apa perubahan kecuali hutan habis ditarah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menyelar tindakan pemimpin pembangkang terutamanya Pas yang suka menabur kebencian dalam kalangan rakyat.

"Pas mengambil pendekatan menyemai kebencian dengan mengatakannya UMNO itu parti bukan Islam dan kafir. Inilah yang diajar oleh orang yang mempunyai pengetahuan agama.

"Mereka sanggup kafirkan tiga juta orang Islam UMNO dan menakut-nakuti orang lain agar tidak sokong UMNO," katanya.